

Kita bekerja sebagai satu pasukan — PM

Oleh HANAFIAH MAN

SEPANG 27 Mac — Kerajaan mengamalkan konsep kepimpinan berpasukan dan tidak timbul soal siapa yang lebih berkuasa selepas Perdana Menteri, tegas Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Kuasa tidak terletak di tangan seorang sahaja, kata Perdana Menteri.

Beliau menambah, semua pemimpin negara ini adalah penting dan bekerja sebagai satu kumpulan.

“Siapa pemimpin nombor satu atau nombor dua itu tidak penting, yang penting adalah satu pasukan yang berkesan.

“Apa guna kita persoalkan siapa orang nombor dua atau nombor tiga paling berkuasa (selepas Perdana Menteri) kerana di Malaysia tidak ada semua itu,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita ketika dimin-

ta mengulas laporan sebuah majalah asing yang memuatkan temu ramah dengan bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin yang menolak tanggapan bahawa beliau adalah orang nombor dua paling berkuasa di Malaysia selepas Perdana Menteri.

Sebaliknya kata Daim dalam temu ramah itu, orang nombor dua paling berkuasa sudah tentulah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pemimpin

Menurut Dr. Mahathir, sebagai sebuah pasukan sudah tentu ada ketua tetapi yang lebih penting ialah para pemimpin yang bekerjasama.

Selanjutnya beliau menegur media asing yang sengaja cuba menimbulkan isu untuk melihat wujudnya perpecahan di Malaysia.

“Mereka ingin lihat kita bergaduh dan setelah itu mereka gem-bira melihatnya,” ujar beliau.